

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI KHAMIS, 22 MEI 2025, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**  
**SOALAN 1 (A71)**

Mohon dinyatakan, adakah bilangan penerima bantuan SKIPP (Skim Bantuan Peralatan Perniagaan) akan ditambah daripada 7 penerima contohnya kepada 15 atau lebih pada masa akan datang bagi setiap DUN?

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)**  
**SOALAN 2 (A4)**

Berapakah jumlah Sekolah Agama Negeri Johor yang telah menerima bantuan untuk dinaik taraf dan dibaik pulih, serta berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan untuk sekolah agama di DUN Kukup?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 3 (A93)**

Minta dinyatakan apakah status pelaksanaan 12 tindakan utama dalam Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Iskandar Malaysia setakat tahun 2025?

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 4 (A202)**

Apakah langkah-langkah promosi dan penambahbaikan kemudahan yang telah dan akan dilaksanakan di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar seperti yang dinyatakan pada Belanjawan Johor 2025 bagi menarik lebih ramai pengunjung?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)**  
**SOALAN 5 (A19)**

Apakah hala tuju kerajaan negeri dalam memperkuuhkan ekonomi luar bandar melalui inisiatif perusahaan kecil?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 6 (A42)**

Apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi isu kemalangan jalan raya yang selalunya disebabkan oleh jalan-jalan yang berlubang?

**YB TUAN HAJI HAHSRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 7 (A104)**

Apakah dasar atau inisiatif baru yang akan diperkenalkan bagi memperkasa sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menghadapi ketidaktentuan perdagangan global akibat *trade war*?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 8 (A175)**

Kes seorang kanak berusia lima tahun maut selepas tertinggal lebih empat jam di dalam sebuah van sekolah telah berlaku baru-baru ini. Apakah garis panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan untuk memastikan tragedi sebegini tidak berulang lagi?

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)**  
**SOALAN 9 (A13)**

Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Johor dalam mendepani cabaran baru kesan daripada pengumuman pentadbiran Amerika Syarikat mengenakan tarif timbal balik kepada eksport negara kita Malaysia?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 10 (A30)**

Apakah impak langsung dan tidak langsung tarif baru yang akan dikenakan oleh Amerika Syarikat terhadap ekonomi di Negeri Johor?

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**  
**SOALAN 11 (A159)**

Apakah langkah yang kerajaan negeri ambil dalam memastikan impak ekonomi tidak terjejas dalam reaksi kadar tarif sebanyak 10% yang dikenakan oleh Amerika terhadap Malaysia?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)  
SOALAN 12 (A183)**

Apakah kerajaan negeri mempunyai cadangan dan penjadualan baru untuk kenderaan berat berada di jalan raya terutamanya waktu kemuncak dan musim perayaan?

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)  
SOALAN 13 (A115)**

Kerajaan Negeri Johor berada di dalam landasan terbaik bagi mencapai Agenda Maju Johor 2030. Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan bagi mengelakkan pembaziran seperti kerap membaiki jalan-jalan rosak sedangkan had muatan jalan perlu dikuatkuasakan di kawasan kampung?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)  
SOALAN 14 (A186)**

Apakah inisiatif kerajaan negeri Johor dalam memperkasakan industri nanas dan kelapa sebagai komoditi strategi negeri, khususnya dari segi peningkatan produktiviti, pembangunan rantaian nilai hiliran, serta keboleh pasaran produk di peringkat domestik dan eksport?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)  
SOALAN 15 (A189)**

Adakah Kerajaan Negeri Johor bercadang untuk memperkenalkan inisiatif atau kerjasama dengan pihak industri kecil dan sederhana (IKS) bagi menyediakan kerja dari rumah untuk golongan suri rumah, khususnya di kawasan seperti Bukit Batu yang mempunyai ramai wanita tidak aktif dalam pasaran kerja?

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)  
SOALAN 16 (A137)**

Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membendung tabiat ‘vaping’ dalam kalangan anak-anak muda dan adakah terdapat usaha rentas agensi dan jabatan untuk menangani isu ini pada dasarnya?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)  
SOALAN 17 (A184)**

Bagaimanakah cara dan tindakan awal untuk membendung masalah buli di tempat awam ataupun sekolah terutamanya di kalangan pelajar yang tinggal di asrama?

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**  
**SOALAN 18 (A11)**

Berapakah orang usahawan muda telah menerima bantuan geran bagi memulakan perniagaan baru daripada kerajaan sejak tahun 2022?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 19 (A107)**

Terdapat risiko keselamatan di Sekolah Agama Mersing Kanan apabila ibu bapa terpaksa meletakkan kenderaan di kiri dan kanan jalan utama untuk hantar anak dan jadikan jalan sesak. Bersediakah kerajaan untuk ambil alih tapak sebelah sekolah untuk dijadikan tapak parkir sekolah?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**  
**SOALAN 20 (A54)**

Berapakah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan hasil dari pewujudan 'Data Centre' di Johor? Berapakah jumlah anak-anak Johor yang mendapat peluang pekerjaan tersebut?

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**  
**SOALAN 21 (A197)**

Apakah pendekatan yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan pembangunan baharu tidak membebankan sistem saliran sedia ada dan tidak meningkatkan risiko banjir di kawasan bandar?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 22 (A193)**

Sejauh manakah pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penjualan vape dan dadah jenis baharu di kawasan sekolah dan kedai serbaneka di Johor, khususnya di daerah Kulai dan Bukit Batu yang semakin membimbangkan dari segi kes pelajar sekolah terlibat?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**  
**SOALAN 23 (A100)**

Apakah prestasi Zoo Johor sejak dibuka semula pada tahun lepas dan apakah perancangan Kerajaan Negeri sempena Tahun Melawat Johor 2026 agar Zoo Johor terus menjadi daya tarikan pelancong tempatan dan luar negara?

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**  
**SOALAN 24 (A114)**

Ramai anak muda memerlukan rumah kediaman sama ada permohonan melalui RMMJ atau SPNB, berapakah jumlah rumah RMMJ terkini yang akan dibina di daerah Batu Pahat dan berapakah rumah yang akan dibina oleh SPNB kepada rakyat Johor pada tahun ini?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**  
**SOALAN 25 (A70)**

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk memastikan bahawa strategi teknologi hijau yang dilaksanakan dapat memberi impak yang nyata di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT)?

4. **SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH  
TITAH DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL, PEMANGKU  
SULTAN JOHOR.**

---

---

---

**( PERBAHASAN )**

---

---

**Persidangan ditangguhkan sehingga hari Jumaat, 23 Mei 2025, jam 9.30 pagi.**